

27 JULAI 2017

Jual dadah selepas putus cinta

Gadis pelayan bar diberkas bersama bahan khayal bernilai RM163,000

Jual dadah selepas putus cinta



ANUAR (tengah) bersama pegawainya menunjukkan sebahagian dadah yang dirampas daripada seorang gadis pada sidang akhbar di George Town semalam.

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

GEORGE TOWN – Seorang gadis yang baru putus cinta diberkas bersama sejumlah dadah sintetik bernilai RM163,000 dalam serbuan di Bandar Baru Air Itam di sini kelmarin.

Pelayan bar sebuah kelab malam berusia 31 tahun itu diberkas ketika sedang berehat di ruang tamu rumahnya pada pukul 3.25 petang oleh sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut.

Ketua Polis Daerah Timur

Laut, Asisten Komisioner Anuar Omar berkata, pemeriksaan menemui dadah jenis syabu, ketamin, ganja, pil eramin 5 dan ekstasi.

Katanya, kesemua dadah itu dibungkus di dalam plastik lutsinar dan aluminium. Polis turut menyita sebuah kereta jenis Perodua Myvi.

“Soal siasat mendapati suspek yang baru putus cinta telah bergiat sejak enam bulan lalu sendirian. Dia akan membungkus dadah itu mengikut permintaan pelanggan.

“Kita percaya setakat ini suspek hanya bergiat di bandar ini sahaja dan kita akan menyiasat sekiranya dia turut menjual da-

dah di tempat kerjanya,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Tambahnya, pihaknya masih menyiasat dari mana suspek mendapatkan bekalan dadah tersebut kecuali ketamin yang diperolehi dari luar negara.

Menurut Anuar, warna dan bentuk pil ekstasi berbeza mengikut sindiket yang umumnya diketahui oleh penagih.

“Sebilangan pil ekstasi dijual antara RM50 hingga RM100,” katanya.

Suspek yang positif dadah ketamin itu kini direman sehingga 1 Ogos ini bagi siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.